

Bahasa Malaysia di mahkamah tak jejas proses keadilan — PM

U.M. 23 JUN 1989

KUALA LUMPUR 22 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mempunyai keyakinan bahawa penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah tidak akan menjejaskan proses keadilan dan pentadbirannya.

Katanya, kerajaan juga sentiasa menggalakkan usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu untuk memajukan penggunaan bahasa Malaysia sebagai satu bahasa yang berdaulat dan dapat digunakan dalam semua bidang.

“Sungguhpun bahasa kebangsaan tidak lagi dipersoalkan kedudukannya di peringkat dasar, tetapi pelaksanaannya masih menghadapi berbagai cabaran termasuk dalam bidang perundangan dan kehakiman,” kata Perdana Menteri dalam kata-kata aluan sempena Seminar Kebangsaan Undang-Undang: Isu Bahasa dan *Common Law* yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini Sabtu ini.

Menurut beliau, negara juga perlu melaksanakan undang-undang yang berlandaskan budaya yang tidak terikat dengan undang-undang warisan dari luar sesuai dengan penggunaan bahasa Malaysia dalam urusan pentadbiran.

“Dengan itu, wajarlah bagi kita mengambil langkah yang konkrit bagi memberi ruang kepada perkembangan korpus undang-undang yang lebih sesuai kepada masyarakat kita dan meneruskan usaha menggunakan bahasa kebangsaan dalam undang-undang, demi keaulatan bahasa itu dan pentadbiran keadilan di negara ini,” kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Ketua Hakim Negara, Tun Datuk Abdul Hamid Haji Omar dalam kata-kata

aluannya pula berkata, pihak kehakiman juga turut memberi perhatian terhadap penggunaan bahasa Malaysia dengan menubuhkan Biro Terjemahan Mahkamah Agung yang kini dikenali sebagai Bahagian Penyelidikan dan Sekretariat Bahasa Malaysia.

Katanya, kelambatan pelaksanaan bahasa Malaysia

dalam perbicaraan dan urusan rasmi bukan kerana kurang minat tetapi kerana masalah teknikal serta tuntutan struktur perbahasan undang-undang yang menekenkan soal ketetapan.

Bagaimanapun, kata beliau, masalah tersebut sedang dan akan diatasi dari semasa ke semasa.